

PENGGUNAAN STESEN MINYAK DALAM KALANGAN PENDUDUK TANJUNG MALIM

THE USE OF OIL STATIONS AMONG THE RESIDENTS OF TANJONG MALIM

Mukhrij Aiman Ahmad Bakri¹

Ainul Munirah Alshadad²

Intan Zulaikha Zaki³

Anis Diyana Halim^{4*}

¹Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Email: d20221103729@siswa.upsi.edu.my)

²Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Email: d20221103737@siswa.upsi.edu.my)

³Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Email: d20221103737@siswa.upsi.edu.my)

^{4*}Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(E-mail: anis.diyana@fsmt.upsi.edu.my)

Article history

Received date : 23-10-2024

Revised date : 24-10-2024

Accepted date : 15-12-2024

Published date : 31-12-2024

To cite this document:

Ahmad Bakri, M. A., Alshadad, A. M., Zaki, I. Z., & Halim, A. D. (2024). Penggunaan stesen minyak dalam kalangan penduduk Tanjung Malim. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 7 (25), 77 - 83.

Abstrak: Minyak atau bahan api adalah penting bagi sesebuah kenderaan dan memainkan peranan penting dalam memastikan operasi enjin dapat berfungsi. Namun terdapat kepelbagaian jenis stesen minyak yang disediakan di sekitar kawasan Tanjung Malim. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti stesen minyak yang kerap digunakan oleh penduduk sekitar Tanjung Malim serta faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan stesen minyak tersebut. Antara faktor – faktor yang mempengaruhi pemilihan stesen minyak di sekitar Tanjung Malim ialah dari aspek kualiti perkhidmatan pelanggan yang baik, lokasi yang berdekatan dengan perumahan pengguna, tawaran ganjaran yang tinggi bagi keahlian pengguna, kebersihan fasiliti stesen minyak dan kualiti bahan api yang efisien untuk kegunaan enjin. Rekabentuk kajian adalah kajian kes dan instrumen kajian ini adalah soal selidik yang diedarkan di stesen minyak sekitar Tanjung Malim. Hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti responden memilih stesen minyak Petronas sebagai stesen minyak yang kerap digunakan dan didapati faktor kebersihan fasiliti menjadi faktor dominan dalam pemilihan stesen minyak yang digemari. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa kebersihan fasiliti stesen minyak dalam pemilihan stesen minyak oleh pengguna dan hal tersebut sekaligus mampu memberi kesedaran kepada pemilik stesen minyak tersebut untuk menambahbaik dan memastikan fasiliti yang disediakan di stesen minyak tersebut berada dalam keadaan yang bersih dan baik.

Kata Kunci: pemilihan stesen minyak, faktor pemilihan

Abstract: *Oil or fuel is crucial for a vehicle and important by ensuring the operation of the engine can be functioning. However, there are different types of gas stations in Tanjung Malim area. This study objectives are to identify which gas stations are frequently used by residents around Tanjung Malim and the factors influencing their selection. Among the factors that may influence the selection of gas stations around Tanjung Malim are good customer service quality, proximity to residential areas, high rewards offered for customer membership, cleanliness of gas station facilities, and efficient fuel quality for engine use. A quantitative research is used as the research method by hand out the surveys form at gas stations around Tanjung Malim. The results of the research indicate that the majority of respondents choose Petronas gas stations as the frequently used gas stations, and cleanliness of facilities is found to be the dominant factor in the selection of preferred gas stations.. The implications of this study show the importance of cleanliness of gas station facilities in the selection of gas stations by consumers and, at the same time, raise awareness among gas station owners to improve and ensure that the facilities provided at the gas stations are clean and well-maintained.*

Keywords: *selection of gas station, selection factor*

Pengenalan

Industri minyak merupakan salah satu sektor yang paling dinamik dan penting dalam ekonomi global dan memberi impak kepada pelbagai sektor dan aspek kehidupan seharian. Kawasan Tanjung Malim menyediakan pelbagai jenis stesen minyak, namun dalam konteks pemilihan stesen minyak bagi setiap pengguna adalah berbeza mengikut faktor – faktor yang mempengaruhi pemilihan stesen minyak yang mereka gemari. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti stesen minyak yang kerap digunakan oleh penduduk Tanjung Malim dan apakah sebab yang mempengaruhi pemilihan stesen minyak tersebut.

Pilihan pengguna adalah berbeza melalui faktor – faktor yang mampu mempengaruhi pemilihan stesen minyak yang digemari. Antara faktor – faktor yang dititikberatkan dalam pemilihan stesen minyak di sekitar Tanjung Malim ialah dari segi kualiti perkhidmatan pelanggan. Layanan mesra dan cekap dari pekerja stesen minyak mampu meningkatkan ekspektasi pengguna seterusnya mampu memenuhi kehendak pengguna. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi tanggapan yang positif oleh pengguna dan berpotensi untuk mengulangi pembelian daripada stesen minyak tersebut. Selain itu, lokasi stesen minyak yang berdekatan dengan kawasan perumahan pengguna juga merupakan salah satu faktor pemilihan pengguna. Hal ini disebabkan oleh kawasan stesen minyak yang berdekatan mudah diakses dan strategik memudahkan pengguna untuk mengisi minyak terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan yang lebih jauh lebih – lebih lagi pada waktu kemuncak. Seterusnya, tawaran ganjaran yang tinggi bagi keahlian pengguna merupakan antara sebab pemilihan stesen minyak kerana mampu mendorong pengguna untuk setia kepada stesen minyak tersebut. Dengan ganjaran yang ditawarkan, ia dapat membantu meringankan beban dari segi kos sara hidup sekaligus dapat memikat hati pengguna dan terus setia dengan pilihan stesen minyak tersebut. Kebersihan fasiliti stesen minyak seperti surau, tandas dan persekitarannya juga mampu menjadi sebab pemilihan para pengguna. Majoriti para pengguna amat menitikberatkan tentang kebersihan kerana kebanyakan para pengguna memandang serius tentang keselesaan dan keselamatan mereka. Kebersihan fasiliti amat penting terutama sekali bagi mereka yang memerlukan rehat lebih-lebih lagi keluarga yang mempunyai anak kecil dan warga emas. Kebersihan yang baik membantu mengurangkan risiko penyebaran penyakit dan jangkitan seterusnya mampu mengurangkan risiko tergelincir atau jatuh akibat permukaan yang licin. Akhir sekali faktor lain

yang mempengaruhi pemilihan stesen minyak ialah kualiti bahan api yang efisien untuk kegunaan enjin. Sesetengah pengguna mementingkan kualiti minyak yang bersih dan tidak tercemar untuk memastikan enjin kenderaan beroperasi dengan lancar dan efisien. Hal ini sekaligus mengurangkan kerosakan dan kos penyelenggaraan kenderaan.

Kajian Literatur

Stesen minyak merupakan tempat untuk mengisi petrol atau diesel bagi kenderaan berat. Namun begitu, stesen minyak kini telah dinaik taraf oleh pemilik syarikat stesen minyak dengan menyediakan pelbagai fasiliti mengikut kepentingan pengunjung yang datang untuk mengisi minyak pada kenderaan mereka (Abdul Rahman & Norsuraya, 2006). Hal ini telah menjadi satu trend kepada stesen minyak dengan merancang pelbagai fasiliti tambahan bagi memudahkan pengunjung yang datang berhenti untuk berehat sambil menggunakan fasiliti yang ada. Fasiliti seperti tandas, surau dan sebagainya menyebabkan stesen minyak ini menjadi tarikan dan pilihan pengunjung. Setiap stesen minyak mempunyai fasiliti yang seakan sama tetapi apa yang membezakan setiap stesen minyak ini adalah tahap kebersihan, keluasan dan keselesaan yang mereka promosikan kepada pengunjung mereka. Sebagai pengunjung, mereka memilih stesen minyak yang mempunyai fasiliti yang baik dan selesa kerana mereka bukan berhenti untuk mengisi minyak sahaja malah mereka juga mungkin berhenti untuk menggunakan tandas ataupun surau yang disediakan.

Selain itu, hampir semua stesen minyak memberikan promosi kad keahlian atau “*membership card*” kepada pelanggan mereka. Hal ini merupakan salah satu tarikan kepada pengunjung untuk mengisi minyak di stesen minyak tersebut. Dengan menggunakan kad keahlian ini, pengunjung akan mendapat pulangan mata ganjaran (*point*) dari setiap pengisian minyak yang mereka lakukan. Tambahan pula, pelbagai tawaran diberikan seperti kolaborasi Petron bersama ZUS yang menawarkan baucar air percuma kepada ahli petron. Baucar boleh didapati dengan menebus 10 mata ganjaran. Hal ini juga menjadi salah satu tarikan selain mendapat minyak percuma apabila mencapai sasaran mata ganjaran yang telah ditetapkan. Ia membuatkan pengunjung berat hati untuk mengunjungi stesen minyak yang lain kerana setiap liter minyak yang diisi akan mendapat mata ganjaran.

Setiap stesen minyak menawarkan minyak petrol dan diesel untuk kenderaan ringan dan berat. Terdapat beberapa jenis minyak yang biasa ditawarkan oleh stesen minyak iaitu Ron 95, Ron 97, dan diesel. Ketiga-tiga minyak ini mudah untuk dijumpai di setiap stesen minyak kerana ia merupakan minyak yang menjadi kegunaan orang ramai. Harga minyak untuk semua stesen adalah sama. Bagi Ron 95, harganya adalah RM 2.05/L, bagi Ron 97 pula, RM 3.47/L dan harga bagi diesel pula ialah RM 2.15/L. Namun begitu, stesen minyak Shell dan Petron memberi perbezaan dengan menawarkan petrol Ron 100 kepada pengguna. Ini membuatkan Shell dan Petron memiliki kelebihan fasiliti yang lain. Di Shell, Ron 100 dikenali sebagai Shell V-power manakala di Petron pula, Ron 100 dikenali sebagai Petron Blaze 100 euro 4M. Perbezaan antara Ron 100 dan Ron 97 adalah Ron 100 menghasilkan tork dan kuasa brek yang lebih efisien berbanding Ron 97. Tetapi bagi kegunaan biasa Ron 97 menghasilkan tork dan kuasa brek yang lebih baik. Walau bagaimanapun, Ron 95 menjadi kegunaan ramai kerana harganya yang lebih murah berbanding Ron 97 dan Ron 100 (Siti Muslihah Yunus et al., 2019).

Pernyataan Masalah

Pemilihan stesen minyak berkait rapat dengan pelbagai faktor seperti perkhidmatan di stesen minyak, lokasi, kebersihan dan jenis minyak yang ditawarkan. Layanan yang baik dari pekerja stesen minyak, lokasi yang berhampiran, kawasan dan tandas yang bersih dan kepelbagaian

jenis minyak yang ditawarkan menjadi pilihan kepada pelanggan untuk memilih stesen minyak. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui faktor pemilihan stesen minyak di kalangan penduduk Tanjung Malim, Perak.

Objektif Kajian

Objektif merujuk kepada dasar tujuan sesebuah kajian. Terdapat beberapa buah stesen minyak yang dilihat menjadi kunjungan kegemaran penduduk Tanjung Malim. Setiap stesen minyak ini memiliki beberapa kelebihan yang tersendiri untuk menarik pelanggan. Oleh itu, dua objektif kajian telah dirangka untuk menjalankan kajian ini. Antara objektif kajiannya adalah seperti berikut :

1. Mengenal pasti stesen minyak yang kerap digunakan oleh penduduk Tanjung Malim.
2. Mengenal pasti sebab mengapa penduduk Tanjung Malim memilih stesen minyak tersebut.

Metodologi

Metodologi membawa maksud kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif dengan menggunakan teknik tertentu untuk memperoleh hasil. Oleh itu, pemilihan metodologi yang tepat adalah sangat penting kerana metodologi memegang peranan penting untuk menyelesaikan permasalahan yang dirumuskan dan merupakan kaedah yang digunakan untuk menguji kebenaran sesuatu secara ilmiah. Oleh hal yang demikian, penyelidik telah menggunakan pendekatan kuantitatif dengan pemilihan reka bentuk kajian kes. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti stesen minyak yang kerap digunakan oleh penduduk Tanjung Malim dan sebab mengapa komuniti Tanjung Malim memilih stesen minyak tersebut. Bagi mengkaji tujuan ini, penyelidik menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian 1,2 dan 3. Bahagian 1 adalah berkaitan maklumat demografi, Bahagian 2 pula berkaitan pemilihan stesen minyak dan Bahagian 3 adalah berkaitan sebab pemilihan stesen minyak tersebut. Borang soal selidik telah diedarkan di setiap stesen minyak yang ada di sekitar Tanjung Malim bagi mendapatkan responden.

Dapatan Kajian

Demografi Responden Kajian

Seramai 42 orang responden yang telah direkodkan yang dimana pengkaji menggunakan kaedah soal selidik melalui platform *google form*. Berdasarkan data yang diperolehi sebanyak 76.2% responden adalah terdiri daripada golongan wanita iaitu seramai 32 orang manakala 23.8% merupakan golongan lelaki iaitu hanya 10 orang sahaja. Bagi pengalaman memandu, seramai 17 orang (40.5%) mempunyai pengalaman memandu selama tiga tahun dan ke atas manakala 15 orang (35.7%) mempunyai pengalaman memandu kurang dari satu tahun pengalaman dan selebihnya seramai 10 orang responden (23.8%) mempunyai pengalaman kurang daripada dua tahun.


Selain itu, tujuan responden ke stesen minyak juga telah dikenalpasti. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan kebanyakan responden memilih untuk berehat seperti ke tandas dan solat apabila berhenti di stesen minyak. Bagi aktiviti menambah nilai *Touch and Go* (TnG) mencatatkan data peratusan yang paling rendah dan dapat dibuktikan bahawa tidak ramai responden yang gemar untuk tambah nilai TnG di stesen minyak Tanjung Malim. Ini kerana di Tanjung Malim terdapat pilihan tempat yang lain untuk mengisi tambah nilai seperti di kedai serbaneka 7 eleven dan pejabat PLUS.

Jadual 1 :Peratusan dan Bilangan Responden Bagi Setiap Jawapan

Tujuan ke Stesen Minyak	Peratusan (%)	Bilangan Responden
Berehat seperti pergi ke tandas dan solat	40.5	17
Membeli makanan atau minuman	35.7	15
Tambah nilai Touch and Go (TnG)	23.8	10

Bagi pemilihan jenis bahan api yang dipilih, responden hanya diberikan kepada dua pilihan bahan bakar iaitu di antara Ron 95 atau Ron 97. Pilihan bahan bakar diesel tidak menjadi pilihan dalam soal selidik ini kerana soal selidik ini hanya tertumpu kepada jenis kenderaan seperti kereta dan motosikal sahaja. Hasil kajian membuktikan responden lebih cenderung dan memilih untuk menggunakan Ron 95 kerana ia mencatatkan sebanyak 88.1% (37 orang) manakala Ron 97 hanya 11.9% (5 orang) sahaja.

Selain itu, seramai 19 orang (45.2%) yang mengisi minyak sebanyak RM50 dan merupakan peratusan tertinggi dan diikuti oleh 13 orang (31%) sebanyak RM25. Nilai kurang daripada RM10 dan RM50 hingga RM100 mencatatkan data yang seimbang iaitu sebanyak 5 orang sahaja (11.9%).



Carta Pai 1: Peratusan anggaran nilai isian di stesen minyak

Pemilihan Stesen Minyak di Tanjung Malim

Dalam soalan ini, responden telah diberikan kepada empat jenis stesen minyak berbeza yang terdapat di Tanjung Malim iaitu Petronas, Shell, Petron dan BhPetrol. Berdasarkan data yang telah dikutip, rata-rata responden memilih stesen minyak Petronas iaitu sebanyak 45.2% (19 orang) dan BhPetrol mencatatkan kutipan data yang paling rendah iaitu hanya 4.8% (2 orang) dan disusuli oleh Petron sebanyak 21.4% (9 orang) dan Shell 28.6% (12 orang).

Perkhidmatan Pelanggan Yang Baik di Stesen Minyak

Seramai 30 orang responden (71.4%) sangat setuju bahawa pemilihan stesen minyak yang dipilih adalah disebabkan oleh perkhidmatan pelanggan yang baik di stesen minyak. Seramai 11 orang responden (26.2%) setuju dan diikuti dengan skala 4 seramai 11 orang responden (26.2%) dan yang terakhir iaitu skala 3 dimana hanya satu orang responden sahaja dengan mencatatkan peratusan hanya (2.4%).

Lokasi Stesen Minyak

Hasil kajian yang dijalankan, seramai 32 orang responden (76.2%) sangat setuju lokasi stesen minyak yang berhampiran dengan tempat tinggal menjadi faktor pemilihan stesen minyak di Tanjung Malim. Seramai 9 orang responden (21.4%) bersetuju lokasi yang berhampiran menjadi faktor pemilihan manakala hanya seorang responden (2.4%) kurang pasti dengan faktor tersebut.

Fasiliti di Stesen Minyak

Sebanyak 36 orang responden (85.7%) sangat bersetuju fasiliti di stesen minyak yang baik menjadi sebab pemilihan stesen minyak. Manakala seramai 4 orang responden (9.5%) bersetuju memilih stesen minyak kerana fasiliti yang baik manakala hanya dua orang responden (4.8%) sahaja yang kurang pasti sama ada fasiliti di stesen minyak menjadi sebab pemilihan stesen minyak yang dipilih. memilih manakala skala 4 seramai 4 orang responden dengan peratusan sebanyak 9.5% sahaja.

Perbincangan

Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat beberapa sebab yang menjadi pemilihan dapat dibincangkan seperti aspek lokasi. Responden lebih cenderung untuk memilih stesen minyak yang berdekatan dengan lokasi tempat tinggal mereka. Pemerhatian lokasi telah dilakukan dimana kedudukan setiap stesen minyak yang disenaraikan dalam kajian ini iaitu Petronas, Shell, Petron dan BhPetrol terletak di tempat yang berbeza. Jadi dapat dilihat lokasi stesen minyak merupakan salah satu faktor yang penting dalam pemilihan stesen minyak bagi warga Tanjung Malim. Secara terperinci, Petronas mendapat bilangan responden yang tertinggi kerana lokasi stesen minyak ini yang berada di pekan dan senang diakses oleh responden. Berbeza dengan kedudukan Shell dan Petron yang sedikit jauh dengan pekan.

Setiap stesen minyak terdapat kemudahan yang dapat digunakan oleh pengguna seperti tempat berehat, ruangan solat, menambah nilai TnG serta tempat untuk membeli makanan dan minuman. Kemudahan yang disediakan di stesen minyak dapat menarik minat komuniti kerana kemudahan yang ditawarkan dapat memudahkan pergerakan mereka dan mendapatkan barang keperluan di stesen minyak. Kebersihan di kawasan stesen minyak juga amatlah penting dan perlu dijaga seperti kebersihan tandas dan surau. Data menunjukkan pengguna atau responden lebih cenderung untuk memilih stesen minyak yang mempunyai fasiliti dalam keadaan sentiasa bersih. Secara tidak langsung, pengguna akan berasa gembira dan akan mengisi minyak di tempat yang sama secara berkala kerana mereka tahu akan kualiti yang diberikan oleh stesen minyak tersebut.

Stesen minyak menawarkan kad keahlian kepada pengguna sebagai salah satu cara daya tarikan. Seperti contoh, Petron Miles yang digunakan oleh Petron, BonusLink Shell dan Kad Mesra Petronas. Berdasarkan data yang telah dikutip, tidak semua pengguna atau responden mempunyai kad keahlian mereka. Hal ini mungkin terjadi disebabkan mereka menganggap kad tersebut tidak memberikan apa-apa manfaat, hakikatnya kad tersebut boleh digunakan untuk menebus ganjaran. Seperti Petron, sekiranya pengguna dapat mengumpul jumlah mata ganjaran sehingga 450 mata ganjaran mereka dapat menebus untuk mengisi minyak sebanyak RM5. Penggunaan kad keahlian ini mestilah selaras dengan berapa jumlah isian minyak bagi kenderaan tersebut. Berdasarkan aplikasi Petron, sekiranya pengguna mengisi minyak sebanyak RM50 mereka akan memperoleh sebanyak 48.78 mata ganjaran. Dengan cara ini, ia dapat menarik hati pengguna kerana terdapat ganjaran yang ditawarkan sebagai pengguna.

Kualiti minyak juga boleh menjadi salah satu faktor yang dipilih oleh pengguna untuk mengisi minyak di stesen minyak yang dikehendakinya. Secara dasarnya, terdapat dua jenis minyak asas yang selalu ada di stesen minyak iaitu dikenali sebagai Ron 95 dan Ron 97. Setiap stesen minyak mempunyai kedua-dua jenis minyak ini tetapi yang membezakan ia di antara syarikat stesen minyak yang lain adalah bahan aditif yang digunakan oleh syarikat tersebut. Jadi pengguna yang mementingkan prestasi kenderaan, mereka mungkin memilih stesen minyak berdasarkan kualiti bahan bakar yang ditawarkan. Seseengah pengguna percaya bahawa minyak dari stesen tertentu seperti Shell V-Power, Petronas Primax atau Petron Blaze menawarkan prestasi yang lebih baik untuk enjin kenderaan mereka. Jadi kualiti minyak juga memainkan peranan yang penting kerana ia akan mempengaruhi prestasi enjin kenderaan tersebut.

Kesimpulan

Tujuan kajian ini ialah mengenal pasti stesen minyak yang sering digunakan oleh penduduk yang tinggal berdekatan dengan Tanjung Malim serta faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan stesen minyak tersebut. Kaedah pendekatan kajian yang dilakukan melalui pendekatan kuantitatif didapati sebanyak 45.2% daripada 42 orang responden dalam kajian ini mengatakan bahawa mereka sering menggunakan stesen minyak Petronas sebagai pilihan utama, diikuti oleh Shell (28.6%), Petron (21.4%), dan BhPetrol (4.8%). Kebersihan fasiliti seperti tandas, surau, dan kawasan persekitaran adalah faktor utama bagi responden dalam memilih stesen minyak. Menjaga kebersihan yang baik bukan hanya meningkatkan keselesaan bagi pengguna malah ia mampu meningkatkan profesionalisme bagi stesen minyak. Beberapa hal lain yang mempengaruhi pilihan stesen minyak adalah layanan pelanggan yang cekap, lokasi strategik berdekatan dengan kawasan perumahan penduduk, ganjaran keahlian yang ditawarkan, serta kualiti bahan bakar yang efektif. Kecekapan bahan api yang berkualiti memainkan peranan penting dalam memastikan prestasi enjin yang baik, penggunaan bahan api yang lebih jimat, dan mengurangkan kos penyelenggaraan kenderaan. Secara ringkasnya, kajian ini menyatakan bahawa kebersihan fasiliti adalah faktor utama yang mempengaruhi penduduk sekitar Tanjung Malim dalam memilih stesen minyak. Dengan menjaga kebersihan fasiliti dan menyediakan layanan serta produk berkualiti tinggi, stesen pengisian bahan bakar dapat meningkatkan kepuasan dan kesetiaan pelanggan.

Rujukan

- Abdul Rahman dan Norsuraya. (2006). *Pembangunan Fasiliti di Stesen Minyak*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Mara.
- Pelanggan, P., Pekeliling, L., Pentadbiran, K., Bilangan, A., & 2008, T. (n.d.). *Panduan Pengurusan*. https://www.pcb.gov.my/Annual/Lampiran_PKPA012008.pdf
- Siti Muslihah, Y., Nurasyikin, S. H., Zulkifli, F. H., Norrizal, M., & Osman, S. A. The Comparative Analysis between Gasoline Ron 95, Ron 97 and Ron 100 on Engine Performance. *Fuel, Mixture Formation and Combustion Process*, 1(2), 1-7